15. Pilih pernyataan yang berkaitan dengan unsur faktor dalam organisasi

I	Syarikat Jati Sdn Bhd. memperkenalkan teknologi baharu dalam operasi pengeluaran
II	Undang-undang baharu yang diluluskan akan meningkatkan kos operasi syarikat
III	Para pekerja syarikat diberikan latihan untuk meningkatkan kemahiran
IV	Keadaan ekonomi meleset telah memberi kesan kepada jualan syarikat


A	I dan II	B	I dan IV
C	II dan III	D	III dan IV

16. Antara yang berikut, manakah unsur input dalam proses pengeluaran?

I	Buruh	II	Teknologi
III	Usahawan	IV	Barang siap

A	I dan II	B	II dan III
C	II dan IV	D	III dan IV

17. Maklumat berikut berkaitan dengan suatu aplikasi teknologi maklumat dalam perniagaan



Apakah X ?

A	e-banking	B	e-dagang
C	e-pemasaran	D	e-government

18. Apakah peranan katalog dalam sesuatu proses aliran barang dan perkhidmatan?

A	Membolehkan penjual menerima pesanan belian daripada pengguna
B	Membolehkan penjual memujuk pengguna membuat keputusan pembelian
C	Membolehkan pembekal bahan mentah menuntut bayaran daripada pengeluar
D	Membolehkan pengguna mengetahui maklumat barang yang ditawarkan penjual

25. Antara berikut, yang manakah merupakan prosedur menguruskan sumber fizikal sebuah perniagaan?

I Insurans kebakaran dan kecurian
II Pendaftaran paten dan hak cipta
III Penyelenggaraan berkala
IV Kelayakan perisian

A I dan II
B I dan III
C II dan IV
D III dan IV

26. Klinik Dr Arissa telah berjaya mencipta perisian sistem pendaftaran pesakit yang sangat efisien. Apakah langkah yang perlu diambil oleh pihak klinik untuk menguruskan sumber tekniologi tersebut mengikut prosedur yang betul?

A Membeli insurans perlindungan liabiliti awam
B Membuat penyelenggaraan fizikal pada komputer
C Mendaftarkan hak cipta terpelihara bagi perisian tersebut
D Menyimpan perisian di dalam bilik kebal yang berkunci

27. Maklumat berikut berkaitan dengan sumber pembiayaan luaran.

Z →

- Ditawarkan kepada pemegang akaun semasa.
- Faedah pinjaman yang dikenakan mengikut kadar harian.

Apakah Z?

A Syer
B Pajakan
C Overdraf
D Pemfaktoran

28. Maklumat berikut berkaitan jenis sumber pembiayaan

Institusi kewangan membeli invois pada harga diskaun

Apakah jenis sumber pembiayaan tersebut?

A Pemfaktoran
B Overdraf
C Pajakan
D Syer

33. Antara yang berikut, manakah merupakan ciri-ciri usahawan?

I	Fleksibel	II	Berani untuk gagal
III	Mementingkan diri	IV	Kreatif dan inovatif

A	I,II dan III	B	I, II dan IV
C	I, III dan IV	D	II,III dan IV

34. Maklumat berikut berkaitan dengan kekuatan diri usahawan.
Apakah kekuatan diri usahawan tersebut?

- Bekerja dalam kumpulan
- Kemahiran berkomunikasi
- Membuat perancangan perniagaan

A Fokus tenaga dan tumpuan
B Kemahiran pembangunan karakter diri
C Keupayaan membina jenama perniagaan
D Menyelesaikan masalah kecil terlebih dahulu

35. Maklumat yang berikut berkaitan dengan salah satu kekuatan diri yang harus ada pada seseorang usahawan.

Perhubungan baik dengan pasangan


Kemahiran manakah yang dapat membantu seseorang usahawan untuk mencapai kekuatan berkenaan?

A Kemahiran berkomunikasi
B Kemahiran membuat keputusan
C Kemahiran merancang perniagaan
D Kemahiran bekerja dalam kumpulan

36. Pernyataan mana yang merujuk kepada maksud pemasaran?

A Aktiviti jual beli barang untuk mendapatkan keuntungan
B Aktiviti memujuk pengguna membeli produk
C Aktiviti pertukaran hak milik produk antara penjual dengan pembeli
D Aktiviti menyalurkan barang dan perkhidmatan daripada pengeluar kepada pengguna

3. Rajah berikut berkaitan dengan satu proses dalam sesebuah organisasi perniagaan.



a) i) Nyatakan proses di atas. [1 markah]

.....

ii) Nyatakan X, Y dan Z. [3 markah]

.....

.....

.....

b) Jelaskan kepentingan interaksi sesebuah perniagaan dengan organisasi luar. [6 markah]

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

Bahagian B
[30 markah]
Jawab mana-mana **dua** *soalan sahaja*.

7. Penyataan berikut berkaitan dengan sebuah perniagaan

> Style Home Furniture merupakan syarikat perabot di Ayer Keroh dan telah beroperasi selama 10 tahun. Akhir-akhir ini, syarikat menghadapi masalah apabila harga bahan mentah meningkat secara mendadak kerana keadaan ekonomi yang tidak menentu. Syarikat juga mengalami masalah apabila mesin lama sering rosak dan pengeluaran menjadi perlahan. Akibatnya, syarikat tidak mampu menanggung kos operasi yang tinggi lalu mengambil keputusan memberhentikan beberapa orang pekerja. Style Home Furniture bercadang memohon bantuan dari kerajaan bagi menangani masalah agar syarikat kembali pulih dan tiada lagi pekerja yang diberhentikan kerja.

a) i) Jelaskan pengangguran yang terlibat. [3 Markah]

ii) Terangkan faktor dalaman yang mempengaruhi masalah Style Home Furniture? [6 Markah]

b) Penyataan berikut berkaitan dengan sebuah perniagaan

> Puan Selamah merupakan seorang pemilik kedai buku yang terkenal di Merlimau, Melaka. Beliau sedar bahawa permintaan terhadap bahan cetakan seperti buku rujukan pada masa kini semakin berkurangan kerana terdapatnya banyak laman sesawang yang boleh dirujuk untuk mendapatkan maklumat.

Terangkan tiga ciri objektif yang boleh membantu meningkatkan jualan buku rujukan kedai Puan Selamah. [6 Markah]

9. Maklumat berikut merupakan penyata kewangan Azie Butik Sdn. Bhd

	RM	RM
ASET		
Aset Bukan Semasa		
Mesin jahit	60 000	
Alatan kedai	30 000	
		90 000
Aset Semasa		
Stok akhir	35 000	
Akaun Belum Terima	30 000	
Tunai	13 000	
Modal kerja		78 000
		168 000
EKUITI PEMILIK		
Modal awal		80 000
Tambah:Untung bersih		47 000
		127 000
Tolak: Ambilan		3 500
		123 500
LIABILITI		
Liabiliti Bukan Semasa		
Pinjaman		25 000
Liabiliti semasa		
Akaun Belum Bayar		19 500
		168 000

a) i) Jelaskan fungsi penyata kewangan tersebut? [5 markah]

ii) Berapakah modal kerja Azie Butik Sdn. Bhd [3 markah]

b) i) Hitungkan Nisbah semasa Azie Butik Sdn. Bhd? [2 markah]

ii) Analisis Nisbah semasa di menunjukkan perniagaan ini mampu membayar hutang jangka pendeknya. Kemukakan alasan anda. [5 markah]

Soalan	Jawapan	Markah
5(c)	Pihak yang berkepentingan menggunakan penyata kewangan ialah : H1 Pemegang saham/pemilik H2 Pelabutr H3 Pihak pengurusan H4 Pembiaya/Institusi kewangan H5 Pembekal/vendor	 1 1 1 1 1 [5m]
6(a)	Ciri keperibadian usahawan yang dimiliki oleh Encik Nuh : **Pandai mengambil peluang** - Merebut peluang perniagaan yang wujud daripada perubahan dalam persekitaran perniagaan - Encik Nuh menubuhkan perniagaan dalam bidang hartanah ketika ekonomi dalam keadaan baik **Yakin diri dan optimistik** - Usahawan mempunyai sifat yakin dengan kebolehan diri untuk menghadapi kegagalan - Mempunyai pandangan yang terbuka terhadap kegagalan **Berfikiran positif untuk berjaya** - Dapat menyelesaikan masalah dan halangan yang dihadapi - Tidak berpuas hati dengan apa yang dikecapi - Mempunyai semangat dan keazaman yang tinggi untuk berjaya. 2F+2H	 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 [4m]
6(b)	Kelebihan berniaga : - Memenuhi malamat peribadi - Mencari rezeki bagi menyara kehidupan sekeluarga - Bebas mengurus jadual kerja - Membentuk personaliti / yakin, tabah/ berani mengambil risiko/ optimistik - Mencapai objektif perniagaan - Kurangkan pengangguran/tingkatkan pendapatan negara - Dapat penuhi keperluan/ kehendak masyarakat - Keberuntungan perniagaan - Sumber manusia yang berkepakaran/meluaskan pasaran/ memantapkan imej - Perniagaan/melaksanakan tanggung jawab sosial/ peralatan teknologi terkini	 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 [Mak 4m]
6(c)	Keberuntungan perniagaan : - Meluaskan pasaran - Memantapkan imej perniagaan - Melaksanakan tanggungjawab sosial - Penggunaan peralatan dan teknologi terkini - Mendapat sumber manusia yang mempunyai kepakaran dan pengalaman	 1 1 1 1 1 [Mak 2m]

Soalan	Jawapan	Markah
8(a)(i)	Bahagian fungsian yang paling sesuai diwujudkan oleh Seri Stella : - Bahagian fungsian pentadbiran - Bahagian fungsian kewangan - Bahagian fungsian pengeluaran - Bahagian fungsian sumber manusia	 1 1 1 1 [Mak 3m]
8(a)(ii)	Tujuan setiap bahagian dalam organisasi perniagaan : - Berperanan untuk menyediakan dokumen syarikat dan mengurus sesebuah program. - Bahagian pentadbiran Nayla Busana perlu menyediakan dokumen-dokumen syarikat seperti kotrak perjanjian dan dokumen berkaitan - Membuat perancangan kewangan - Bahagian kewangan Nayla Busana perlu menentukan objektif kewangan yang hendak dicapai oleh organisasi - Menghasilkan barang dan perkhidmatan - Bahagian pengeluaran Nayla Busana menghasilkan pakaian yang hendak dijual oleh perniagaan dengan mematuhi aspek dan standard kualiti yang ditetapkan - Perancangan sumber manusia - Bahagian sumber manusia Nayla Busana terlibat dalam proses mengambil pekerja dan melaksanakan program induksi dan program latihan kemahiran untuk pekerja baharu dan pekerja sedia ada	 1 1 1 1 1 1 1 1 [Mak 6m]
8(b)	Pengurusan sumber fizikal dan sumber teknologi yang cekap dapat meningkatkan keupayaan perniagaan : - Kedua-dua sumber saling berkait/ mesin jahit berkomputer memerlukan perisian - Menghasilkan produk yang berkualiti - Meningkatkan daya saing perniagaan - Nayla Busana menghasilkan rekaan yang menarik mengikut trend terkini - Menikmati ekonomi bidangan/ menawarkan harga yang lebih murah - Kualiti produk yang konsisten/ jaga nam baik perniagaan - Mengurangkan risiko kerugian	 1 1 1 1 1 1 1 [Mak 6m]
9(a)(i)	Fungsi Kunci kira-kira : - Menunjukkan kedudukan kewangan perniagaan - Menunjukkan jumlah asset perniagaan - Menunjukkan jumlah hutang/liability perniagaan - Menggambarkan jumlah modal perniagaan - Menunjukkan berapa banyak asset perniagaan dibiayai oleh hutang	 1 1 1 1 1 [5m]
9(a)(ii)	Modal kerja = Aset semasa - Liabiliti semasa = 78 000 – 19 500 = 58 000	1 1 1 [3m]

Suka sampel ini?

Kertas Trial SPM

Perniagaan (40+ set)

- Kertas trial SPM dari banyak negeri untuk subjek yang dipilih
- Skema jawapan / cadangan jawapan
- Set Penuh: semua 17 subjek dan jadual ulangkaji A+

RM12.90

BELI SEKARANG >

nightmew.com/p/kertas-percubaan-spm · FPX online banking · download serta-merta